



KASSIM (tengah) menyempurnakan majlis perasmian Tamu Konvo UMS-KAL sambil diperhatikan Abdullah (dua kiri), Dr Shariff (dua dari kanan) dan Awang (kanan) di Labuan.

AZRI ONN | BERITA HARIAN

Tamu Konvo UMS-KAL bina graduan mahir

LABUAN: Tamu Konvo yang dilaksanakan penuntut Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), di sini, berjaya membina daya kepeimpinan dan kemahiran pengurusan perniagaan di kalangan penuntut.

Ia memberi pengalaman berharga kepada penuntut terbabit untuk membolehkan mereka menjadi usahawan berjaya apabila menceburi bidang perniagaan selepas menamatkan pengajian.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Dr Kassim Mansur, berkata beliau bangga dengan komitmen penuntut UMS-KAL berusaha gigih bagi memastikan kejayaan program itu.

Katanya, program berkenaan membantu merealisasikan matlamat universiti itu melahirkan graduan berkeyakinan dan mempunyai daya saing tinggi.

“Saya harap segala pengalaman yang diperolehi semasa berada di universiti ini dimanfaatkan untuk menghadapi cabaran dalam bidang yang bakal diceburi oleh penuntut selepas menamatkan pengajian sama ada dalam bidang perniagaan atau dalam sektor awam dan

swasta,” katanya.

Beliau membacakan teks ucapan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon pada majlis penutupan Tamu Konvo UMS-KAL di Pentas Terbuka UMS di sini, semalam.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said; Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengerusi Penganjur Tamu Konvo 2010, Dr Awang Asri Awang Ibrahim.